



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) MALAYSIA

JPJ OPTIMUM PELAKSANAAN DASAR, AKTIVITI PENGUATKUASAAN, ADVOKASI KE ARAH KESELAMATAN JALAN RAYA

PUTRAJAYA, 24 September 2025 – Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) kekal komited untuk **memperkukuh keselamatan jalan raya** serta memastikan **tahap pematuhan undang-undang sentiasa berada pada tahap optimum**. Bagi mencapai matlamat ini, MOT dan JPJ melaksanakan pendekatan bersepadu yang merangkumi **pelaksanaan dasar, penguatkuasaan** yang lebih tegas dan berkesan, **advokasi** secara berterusan serta transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

1. *Speed Limitation Device (SLD)*

Sepertimana pengumuman berkenaan penguatkuasaan *Speed Limitation Device* (SLD) pada **13 Jun 2025**, lalu, adalah dimaklumkan bahawa **penguatkuasaan** pemasangan dan penggunaan *Speed Limitation Device* (SLD) akan bermula secara rasmi pada **1 Oktober 2025**.

Penguatkuasaan ini melibatkan kenderaan motor **yang dibina selepas 1 Januari 2015**, iaitu **bas persiaran** dan **bas ekspres** dengan **Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 5,000 kilogram (kg)** dan **lebih 8 penumpang** dan kenderaan barangan dengan **BDM melebihi 3,500 kg**.

Semua pemasangan, konfigurasi dan pengaktifan SLD hendaklah disahkan oleh pihak yang diiktiraf JPJ melalui pengeluaran **Slip Pengesahan** dan **Laporan Kefungsian SLD**. Maklumat berhubung pihak yang diiktiraf, boleh layari laman sesawang JPJ <https://www.jpj.gov.my/badan-pengesahan-speed-limiter-device/>

Slip Pengesahan dan **Laporan Kefungsian SLD** perlu dikemukakan semasa pemeriksaan di **Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)** atau semasa urusan pembaharuan permit dengan APAD/LPKP, serta sentiasa disimpan di dalam kenderaan bagi tujuan penguatkuasaan. Pengesahan ini juga **perlu diperbaharui setiap dua (2) tahun** bagi memastikan SLD berfungsi dengan baik.

Selain itu, semua pihak yang terlibat dalam pengesahan hendaklah **mengemas kini maklumat pengesahan pemasangan SLD** bagi setiap kenderaan melalui sistem dalam talian yang disediakan JPJ. **Slip Pengesahan** dan **Laporan Kefungsian SLD** yang sah hendaklah dimuat naik sebagai bukti, dan pengemaskinian ini perlu dilakukan secara mingguan bagi tujuan semakan dan pemantauan pematuhan oleh JPJ.

STATISTIK SLD			
JENIS KENDERAAN	JUMLAH KESELURUHAN (FASA 1)	JUMLAH PEMAKLUMAN PENGESAHAN (23/09/2025)	BAKI YANG BELUM MEMBUAT PENGESAHAN
Bas Ekspres	2,528	62	2,466
Bas Persiaran	6,241	33	6,208
Barangan (BDM ≥ 3500 kg)	100,036	2,820	97,216
JUMLAH KESELURUHAN	108,805	2,915 (2.68%)	105,890 (97.32%)

MOT dan JPJ ingin menegaskan bahawa **tiada kompromi** akan diberikan selepas tarikh penguatkuasaan dikuatkuasakan sepenuhnya. **Notis 114 (Notis Panggilan Temu Siasat)** akan dikeluarkan terhadap mana-mana pemilik kenderaan yang gagal mematuhi ketetapan ini.

2. LESEN MEMANDU KOMPETEN (CDL) TAMAT TEMPOH

Selaras dengan **Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]**, semua individu yang memandu suatu kenderaan motor di atas jalan hendaklah mempunyai Lesen Memandu yang sah dan berkuatkuasa.

Berdasarkan rekod terkini JPJ, didapati terdapat sejumlah **2.4 juta pemegang Lesen Memandu Kompeten (CDL)** berada dalam status **tidak aktif** iaitu telah **tamat tempoh melebihi tiga (3) tahun**. Daripada jumlah lebih kurang 15 juta lesen memandu yang masih aktif, terdapat sejumlah 925,421 yang telah **tamat tempoh lesennya tidak melebihi tiga (3) tahun** seperti pecahan berikut:-

Tempoh Tamat (tahun)	0 hingga 1	1 hingga 2	2 hingga 3
CDL	551,688	219,092	154,641
Jumlah	925,421		

Dalam hal ini, pemegang **CDL yang masih aktif** termasuk pemegang lesen yang tamat tempoh **tidak melebihi 3 tahun** adalah diseru untuk **segera memperbaharui lesen memandu** bagi mengelak diwajibkan menduduki semula **Ujian Kurikulum Pendidikan Pemandu Bahagian 2 dan 3 (KPP02 dan KPP03)**.

Untuk makluman semua, sejak pengumuman berkaitan **BUDI RON95**, 22 September 2025, lalu, JPJ telah merekodkan sebanyak **26,991 transaksi** pembaharuan CDL menerusi pelbagai saluran urus niaga seperti **aplikasi MyJPJ, mySikap, kiosk atau mana-mana kaunter JPJ seluruh negara.**

YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

24 SEPTEMBER 2025

[TAMAT]